

# Seminar Pengurusan Wang Untuk Golongan Artis



Teks oleh Thani Hasbullah

**KUALA LUMPUR, 1 JULAI 2010** : Tidak dinafikan para penggiat seni tempatan khususnya pelakon tidak mempunyai jaminan wang dimasa hadapan apabila golongan itu tidak mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), mahupun mendapat royalti ataupun pencen.

Sehubungan itu mereka mestilah menggunakan wang dengan sebijak mungkin ketika dalam kesenangan ataupun masih mampu untuk bekerja. Menyedari hakikat itu, LVG Consultants bersama SinclairFalak Sdn Bhd mengambil inisiatif dengan menganjurkan seminar tentang ilmu tentang pengurusan wang iaitu Financial Fortress Saved My Life (FFSML).

Menurut Pengasas dan Presiden LVG Consultants, Nazril Idrus, seminar ini penting khususnya golongan pelakon kerana ia bakal mengajar bagaimana

• Hits	• Komen
2719	1

Tags: LVG Consultants, SinclairFalak Sdn Bhd, seminar, Financial Fortress Saved My Life, Sazzy Falak, Sazzy Falak & Nazril Idrus, Sazzy Falak, Nazril Idrus, Angensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, JKKN, AKPK,

wang sepatutnya disalurkan dan membuat persiapan untuk hari tua.

"Memang kita ketahui, pelakon memperoleh wang dengan jumlah yang selonggok, bukannya pada setiap bulan. Jadi, sekiranya mereka tidak menggunakan wang tersebut dengan sebaiknya, ia boleh menggugat kedudukan kewangan mereka.

"Sekiranya ingin membuat keputusan untuk melaburkan wang pula, mereka sepatunya mempersiapkan diri dengan ilmu tentang pelaburan. Hingga ini pun, saya mendapat tahu ramai artis kita telah mencarum dalam skim pelaburan yang salah. Hasilnya wang mereka lesap.

"Menyedari tentang apa yang berlaku disekeliling, saya turut berasa bertanggungjawab untuk mengadakan seminar tentang pengurusan wang ini. Bagaimanapun ia bukannya mensasarkan kepada golongan artis sahaja, tetapi ia turut dibuka kepada semua golongan masyarakat.

"Cuma, istimewa untuk golongan artis, mereka mendapat harga pendaftaran yang lebih rendah," katanya ketika bercakap pada majlis sidang media, di pejabatnya di, Damansara Perdana, semalam.

Kepada yang berminat boleh menghubungi LVG Consultans di talian 03-77241889, 019-6628889 atau 019-6618889. Yuran pendaftaran setiap orang adalah RM499, bagaimanapun istimewa kepada 49 orang pertama, ia dikurangkan kepada RM50, manakla RM100 untuk pendaftaran 50 hingga 100 orang pertama. Manakala harga asal untuk artis yang berdaftar dengan Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) pula ialah RM189. Ia akan diadakan satu hari (10:00 pagi - 5:00 petang). Mengenai tarikh dan lokasi seminar itu, akan diberitahu selepas mendaftar.

FFSML turut mendapat kerjasama daripada Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) dan juga sebuah agensi dibawah Bank Negara iaitu Angensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Nazril Idrus yang juga suami kepada Sazzy Falak bakal bertindak sebagai panel pada seminar itu nanti. Ia adalah penganjuran kedua selepas ia FFSML pertama berjaya dianjurkan dengan penglibatan ramai golongan artis termasuk Vanida Imran, Faizal Tahir dan Ashraf Muslim.

Pada Sidang media yang sama, SinclairFalak Sdn Bhd turut mengumumkan mengenai seminar Acting Saved My Life (ASML) sesi ke-8 yang akan diadakan pada 31 Julai 2010. Seminar yang menjemput golongan masyarakat untuk mengenali ilmu lakonan itu berharga RM499 bagi setiap orang. ASML yang mendapat kerjasama daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara akan dianjurkan pada di Taman Budaya, Kuala Lumpur.

Sesiapa yang berminat boleh menghubungi, 012-3238368 atau 013-3578646 untuk membuat tempahan. SinclairFalak Sdn Bhd ditubuhkan oleh Sazzy Falak, Aishah Sinclair dan Ashraf Sinclair.



### Jangan Tak Lihat

- Linda Onn Dah Serik Kelua...
- Mamat Khalid Cuba Sindir ...
- Hanya Allah Yang Tahu Kei...
- Sulli Gagal, Bekas Stern...
- Akhil Rasai Nikmat Perkah...